

B576
MAHATHIR - BANDAR

1981

189

KUANTAN, 20 JUN (BERNAMA) — BANDAR-BANDAR LAMA DAN BARU DI SELURUH NEGARA HENDAKLAH DIBANGUNKAN SELARAS DENGAN KEHENDAK DASAR EKONOMI BARU YANG BILANGAN PENDUDUKNYA MENCERMINKAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM.

TIMBALAN PERDANA MEMTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERMATA, KERAJAAN YIDAK MAHU LAGI MELIHAT KAUM-KAUM DI NEGARA INI DIASING-ASINGKAN MENGIKUT PERANAN EKONOMI MEREKA.

TEGASNYA, KERAJAAN MAHU MELIHAT BANDAR LAMA DAN BARU MENCERMINKAN MASYARAKAT MALAYSIA BERBILANG KAUM YANG SEMUA DAPAT HIDUP DALAM AMAN DAMAI SERTA MENJALANKAN KERJA TANPA PERASAAN IRI HATI DAN KETEGANGAN.

BERUCAP DI MAJLIS MELETAKKAN BATU ASAS BANDAR BARU KUANTAN DEKAT SINI HARI INI, BELIAU YAKIN MATALAMAT DASAR EKONOMI BARU BOLEH DICAPAI SEKIRANYA KAUM BUMIPUTERA SANGGUP MENGHADAPI SEGALA CABARAN DALAM BERBAGAI BIDANG.

MANAKALA BUKAN BUMIPUTERA PULA HENDAKLAH MENERIMA HAK IKAT INI DAN KEADAAN YANG BANDAR-BANDAR LAMA MERUPAKAN BANDAR-BANDAR ASING YANG BERBEZA SAMA SEKALI PENDUDUKNYA DARIPADA KAWASAN LUAR BANDAR TIDAK SEPATUTNYA BERLAKU LAGI. — BERSAMBUNG 1707/MK

B577

MAHATHIR - BANDAR 2 KUANTAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MAHUKAN BANDAR-BANDAR DI NEGARA INI YANG MEMPUNYAS PENDUDUK BERBILANG KAUM DAPAT TINGGAL DAN BEKERJA DALAM SATU KAIDAH DAN BERSATU DAN MEREKA TIDAK DIASINGKAN MENGIKUT KEGIATAN EKONOMI MEREKA.

KERAJAAN MAHUKAN SEMUA KEGIATAN EKONOMI DAPAT DISERTAI OLEH SEMUA KAUM DENGAN PERATURAN YANG DAPAT MENGIMBANGKAN DENGAN PERATURAN PENDUDUK BERBILANG KAUM.

TEGASNYA, KAUM BUMIPUTERA HENDAKLAH MENGHADAPI BERBAGAI CABARAN DAN SEDIA MEMPELAJARI SEMUA BIDANG PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN.

MENYENTUH MENGENAI PEMBANGUNAN BANDAR BARU KUANTAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA MEMBERI PELUANG BAIK KEPADA KERAJAAN MENYUSUN SEBUAH BANDAR YANG BETUL-BETUL MENCERMINKAN KEHENDAK DASAR EKONOMI BARU.

UNTUK MENCAPAI MATALAMAT ITU, IA BUKAN SAHAJA MEMERLUKAN KEPADA PERUNTUKAN DARI XERAJAAN PUSAT DAN NEGERI BAGI MEMBINA DAN MENGADAKAN SEGALA KEMUDAHAN ASAS TETAPI JUGA MEMERLUKAN PENYERTAAN RAKYAT SECARA BERMAKNA.

BELIAU YAKIN BANDAR BARU ITU AKAN MENJADI SEBUAH BANDAR KEMBAR KEPADA BANDAR KUANTAN YANG AKHIRNYA AKAN BERCANTUM MENJADI SEBUAH BANDAR TERBESAR DI PANTAI TIMUR.

— BERSAMBUNG 1712/MK

MAHATHIR - BANDAR 3 KUANTAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN CEK BERNILAI \$8.624 JUTA KEPADA MENTERI BESAR PAHANG, HAJI ABDUL RAHIM ABU BAKAR SEBAGAI SUMBANGAN PERMULAAN UNTUK PEMBANGUNAN PERINGKAT PERTAMA BANDAR BARU ITU.

SEBELUM ITU, HAJI ABDUL RAHIM BERKATA, BAHAWA BANDAR BARU KUANTAN AKAN DILENGKAPKAN DENGAN BERBAGAI KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG SETARAF DENGAN BANDAR-BANDAR YANG MAJU DI NEGARA INI TANPA MENIMBULKAN MASALAH-MASALAH SOSIAL YANG MERUMITKAN.

BANDAR TERSEBUT, TAMBAHNYA, AKAN BERBEHUK +PENEMPATAN PENDUDUK YANG TERSENDIRI+ MUNGKIN MENYAMAI ATAU LEBIH BESAR DARI BANDAR KUANTAN YANG SEDIA 'ADA.

BELIAU BERKATA, MENJELANG TAHUN 2.000 BANDAR ITU AKAN MENJADI PUSAT PERDAGANGAN UTAMA YANG DILENGKAPKAN DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA.

DISAMPING ITU ITA AKAN MENJADI PUSAT PERKHIDMATAN YANG PENTING BAGI 9 WILAYAH PANTAI TIMOR DENGAN WUJUD TEMPAT TEMPAT REKREASI, PUSAT MEMBELI BELAH YANG MODEN, PUSAT PENGAJIAN TINGGI SERTA PERKHIDMATAN KEPAKARAN KESIHATAN DAN JENIS-JENIS RUMAH YANG MODEN UNTUK SEMUA LAPISAN MASYARAKAT. — BERNAMA 1719/MK